KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	27/1/2022 (KHAMIS)	MUKA SURAT	:	5
JABATAN	:	-			

Kosmo 27.1.2022_5

Pak belang masuk kampung sebab sakit – Mohd. Amar

KOTA BHARU – Harimau yang berkeliaran kawasan perkampungan Orang Asli di Gua Musang didakwa sakit dan bukannya berpunca daripada pembalakan.

Timbalan Menteri Besar Kelantan, Datuk Mohd. Amar Nik Abdullah berkata, harimau yang memasuki kampung itu bukan disebabkan oleh pembalakan, malah ada laporan yang mengatakan haiwan buas itu dijangkiti penyakit dan mencari makanan di kawasan Orang Asli.

"Setakat ini, tiada lagi laporan terbaharu harimau keluar ke kawasan perkampungan Orang Asli lagi," jelasnya ketika ditemui pemberita selepas Mesyuarat Exco Kerajaan Negeri di Kompleks Kota Darulnaim di sini semalam.

Dalam perkembangan lain, Mohd. Amar mengakui ada pembalakan haram dan penerokaan di kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK) di Kelantan, namun kegiatan itu tidak serius seperti negeri lain.

Katanya, pembalakan haram berlaku di seluruh negara dan ia didalangi oleh individu yang tidak bertanggungjawab.

"Pembalakan haram memang ada (di Kelantan). Ada orang kampung yang tebang hutan simpan untuk tanaman durian dan kelapa sawit.

"Mengikut undang-undang, memang salah menceroboh hutan simpan, malah kita tidak akan bertolak-ansur dengan kesalahan itu dan tindakan akan diambil terhadap mereka yang terlibat," katanya.

Dalam pada itu, kerajaan negeri juga berpendapat bahawa tiada keperluan untuk memindahkan masyarakat Orang Asli di Pos Bihai, Gua Musang ke pusat penempatan sementara meskipun mereka kini diancam gangguan harimau sejak sebulan lalu.



MOHD. AMAR

Beliau tidak menafikan bahawa masyarakat di kawasan itu hidup dalam ketakutan, namun arahan telah dikeluarkan agar mereka tidak keluar rumah ketika ini.

"Kerajaan negeri percaya usaha yang dilakukan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Kelantan ketika ini dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi penduduk kampung Orang Asli.

"Kita tahu penempatan asal Orang Asli terletak di dalam hutan. Mengikut pengalaman sebelum ini, mereka enggan keluar dan mahu kekal tinggal di kampung sekiranya disuruh berpindah," ujarnya.